

BAB 6

PENUTUP

Zhang Xiguo dilahirkan di tanah besar China dan membesar di Taiwan. Kini beliau masih menetap di Amerika Syarikat bersama keluarganya. Beliau pada hakikatnya seorang penulis yang memainkan multi peranan dalam bidang profesion yang diceburinya. Walaupun kebanyakan karya Zhang Xiguo diterbitkan di Taiwan dan mendapat sambutan yang memuaskan di kalangan pembaca Cina, beliau tidak pernah lupa akan tanggungjawabnya ketika berada di seberang laut. Di Amerika Syarikat, Zhang Xiguo sebenarnya merasai tekanannya dari persekitaran Barat terutamanya ketika beliau sanggup mempertahankan bahasa ibunda dalam penulisannya. Sebagaimana yang dikatakan oleh Ping Lu:

Penulisan bagi golongan penulis Cina selalunya mengalami kesukaran di seberang laut, terutamanya mereka yang mengarang dalam bahasa Cina di negara-negara Barat. Berbanding dengan para penulis di dalam nagara, penulis-

penulis di seberang laut sukar mendapat tepukan dan pasaran mereka. Para penulis dalam negara mudah memperoleh pemahaman daripada rakan seperjuangan. Sebaliknya bagi pemastaudin-pemastaudin di seberang laut, aktiviti sosial mereka hanya tertumpu di kedai tayangan video selain memenuhi keperluan asas (1995: 469).

Situasi inilah padahalnya merupakan isi hati Zhang Xiguo yang mengarang di Amerika Syarikat selama ini. Persekutaran Barat yang sukar memberi semangat keakuan kepada penulisan beliau dalam bahasa ibundanya akhirnya membawa pertanyaan “untuk siapa dan mengapa aku menulis” dalam benak Zhang Xiguo.¹

Sebagai seorang penghijrah yang berasal dari tanah besar China ke Taiwan bersama Guomindang pada tahun 1949, nasib sebagai seorang pengembara tidak pernah luntur dalam hidup Zhang Xiguo kemudiannya. Beliau telah meninggalkan Taiwan dan menetap di Amerika Syarikat sejak tahun 1966 dan kini sudahpun menjangkau 37 tahun. Dalam tempoh masa ini, beliau sememangnya telah melalui suatu penjelajahan yang penuh dengan pelbagai onak dan duri. Walau bagaimanapun, Zhang Xiguo tidak pernah berputus asa dalam usaha mencapai suatu titik keseimbangan bagi dirinya mahupun kepada dunia sasteranya. Bermula dengan koleksi karya fiksyen *Tanah*, nostalgia yang terbayang dalam karya ini merupakan pintu masuk untuk beliau menerokai arah pengembaraannya kemudiannya. Dalam ketidakstabilan yang dilanjutkan kepada hidup

¹ Kata Zhang Xiguo, “Pertanyaan tentang ‘mengapa kamu menulis’ sukar mendapat suatu jawapan yang memuaskan. Namun jawapan ini pada hakikatnya membayangkan pendirian seorang penulis dalam hidup dan seni penulisannya. Bagi penulis-penulis di seberang laut, pertanyaan ini menjadi kritikal ketika mereka mengarang dalam bahasa ibunda sendiri.” Dalam hal ini, Zhang Xiguo juga pernah mengatakan bahawa anaknya sendiri tidak dapat memahami motif penulisannya dan kedahagaan beliau yang sentiasa ingin kembali ke Taiwan (1987: 19).

pengembaraan Zhang Xiguo, beliau pada hakikatnya telahpun mengenalpasti kedudukan asas yang dikatakan sebagai titik permulaan bagi seorang pengembara.

Lantaran itu, Taiwan dianggap Zhang Xiguo sebagai tapak permulaan dalam penjelajahannya. Dari sinilah, beliau menanam semangat nasionalisme yang utuh dan kukuh dalam sanubarinya. Karya-karya Zhang Xiguo kini memperlihatkan keprihatinan dan kesayangan beliau terhadap masyarakat Taiwan. Tidak dapat dinafikan Taiwan, tanah airnya yang juga merupakan tempat perlindungan beliau sehingga akhir hayat. Zhang Xiguo tidak ingin mengulangi mimpi ngeri generasi tua dalam mencari-cari tempat perlindungan seperti yang digambarkan dalam karya fiksyen berjudul “*Tanah*”. Pengakuan yang dihulurkan oleh Zhang Xiguo kepada Taiwan sejak awal-awal lagi telah memperkuatkkan pendirian beliau terutamanya dalam persoalan identiti terhadap negara dan bangsanya. Koleksi karya fiksyen *Tanah* dan “*Siri Roh Pengembara*” yang masing-masing diterbitkan pada tahun 1970an dan 1980an terbukti kebenaran ini.

Tidak dapat disangkalkan bahawa Taiwan yang pernah seketika jauh ditinggalkan oleh Zhang Xiguo tetap merupakan “objek utama” dalam kebanyakan karyanya. Zhang Xiguo pernah menjelaskan bahawa faktor utama yang mendorong beliau mengarang adalah disebabkan beliau berkeinginan hidup di dalam sebuah dunia yang tidak lagi dimilikinya (1987: 19). Dunia ini pada hakikatnya terselit segala impian dan harapan Zhang Xiguo yang akan ditujukan kepada Taiwan dan bangsa Cina. Namun, hasrat ini memang sukar ditunaikan dalam dunia realiti. Sesungguhnya, Zhang Xiguo telah mempersesembahkan sebuah

“tanah air asal” (*yuanxiang*) dalam dunia sasteranya. Wang Dewei pernah menjelaskan bahawa tanah air asal yang diwujudkan seseorang penulis dalam karya-karyanya akan membangkitkan imaginasi dalam dunia sastera seseorang.² Tanah air asal memainkan peranan penting dalam dunia sastera Zhang Xiguo untuk beliau menyalurkan segala pengalamannya di Taiwan walaupun beliau berada di Amerika Syarikat.

Sebagaimana yang ditekankan oleh Zhang Xiguo sendiri, sasaran penulisannya adalah ditujukan kepada “pergelutan insan” atau segala hal-ehwal yang berkait rapat dengan manusia. Keutamaan yang diberikannya kepada insan sejagat dalam karya-karyanya mengakibatkan Zhang Xiguo akhirnya menafikan kepentingan gaya dan seni penulisan dalam novel *Kemarahan Masa Silam* (1991a: 300). Dalam karya-karya Zhang Xiguo, penuntut-penuntut yang melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat pada tahun 1970an tidak kira mereka kemudian kembali ke pangkuhan Taiwan atau terus mengejar kehidupan di situ sama-sama merupakan mangsa-mangsa dalam pengembalaan mereka. Demikian juga Zhang Xiguo tidak lupa mengkritik segelintir golongan intelek di Taiwan yang turut dikorbankan dalam arus pemodenan. Golongan intelek ini bukan sahaja mengalami keruntuhan moral dalam mengejar kebendaan, malah mereka banyak menghabiskan tenaga dalam kepuasan nafsu dan kekuasaan semata-mata.

² “Tanah air asal” (*yuanxiang*) yang dijelaskan oleh Wang Dewei mempunyai beberapa ciri seperti berikut. Pertama, karya fiksyen yang menggambarkan tanah air asal akan memetik pengalaman sendiri di kampung halamannya. Kedua, latar masa memainkan peranan penting dalam tanah air asal sehingga penulis sering dilandai nostalgia dalam perubahan masa. Ketiga, tanah air asal terbentuk disebabkan perubahan lokasi. Yang terakhir, tanah air asal merangkumi pelbagai unsur, misalnya politik, ekonomi, sosial-budaya dan hubungan sesama insan yang rumit (1998: 226-227).

Di samping itu, Zhang Xiguo tidak jemu meninjau persoalan identiti yang merupakan tonggak penulisannya. Sejak karya fiksyen “Tanah” lagi, beliau berusaha mendasari hubungan intim antara persoalan “pemergian” dan “pengembalian”. Zhang Xiguo pernah menanyakan “kenapa sanggup meninggalkan tanah air memandangkan kamu benar-benar sayang akannya” kepada dirinya sejak awal-awal lagi. Namun, pertanyaan ini terbukti kepentingan masyarakat Taiwan terhadapnya (1979a: 41). Kesangsian terhadap kedudukan Taiwan pada sanubarinya padahalnya adalah batu loncatan untuk Zhang Xiguo meneliti persoalan identiti dalam penulisannya. Sememangnya, kempen melindungi Kepulauan Diaoyu yang menyemarak di Amerika Syarikat pada tahun 1972 turut memberi tamparan hebat kepada Zhang Xiguo dan penuntut-penuntut pada masa itu. Dalam novel *Kemarahan Masa Silam*, Zhang Xiguo sekali lagi menegaskan pendiriannya terhadap pembentukan identiti beliau yang berasaskan Taiwan, tanah perlindungan yang akan beliau bertapak kukuh sepanjang hayat. Namun, kesudahan yang tidak optimis dengan kematian Ge Rixin, pahlawan bangsa dalam kempen tersebut sekali lagi menunjukkan kesangsian Zhang Xiguo terhadap Taiwan. Perasaan yang rumit ini akhirnya membolehkan penghijrah-penghijrah ini mempratikkan “dwi-identiti” dalam kesayangan mereka yang ditujukan kepada Taiwan. Dengan kata lain, mereka hanya memberi pengakuan terhadap Taiwan. Di samping itu, mereka masih menganggap diri mereka sebagai bangsa Cina yang berpegang teguh terhadap kebudayaan Cina (Lu, 1999: 201). Walau bagaimanapun, pembentukan semangat nasionalisme yang berdiri kukuh di atas Taiwan menggalakkan Zhang Xiguo amat prihatin dalam segala perubahan Taiwan. Struktur dalaman masyarakat Taiwan

yang mengalami perubahan mendadak dalam pemodenan menjelang akhir tahun 1970an seperti yang digambarkan dalam novel *Sungai Kuning* dan *Raja Catur* sekali lagi memberi peluang kepada Zhang Xiguo untuk meninjau kedudukan orang Taiwan. Keperibadian dan kejiwaan orang Taiwan yang kian hanyut dalam pemodenan telah menegangkan persoalan identiti yang ditinjau beliau selama ini. Tinjauan beliau terhadap orang Taiwan yang kehilangan pedoman hidup ekoran keterlaluan dalam mengejar kepentingan sendiri dan kebendaan menyerlahkan keintelektualan Zhang Xiguo terhadap negara dan bangsa yang disayanginya.

Keprihatinan terhadap orang Taiwan dan bangsa Cina kini pula dipertingkatkan ke arah manusia sejagat jika ditinjau secara kritis. Dunia sains fiksyen yang dibentuk oleh Zhang Xiguo memperlihatkan ketajaman pena beliau yang menular ke arah permasalahan-permasalahan yang akan wujud ekoran kemajuan sains dan teknologi. Sebagai seorang pengkaji sains, Zhang Xiguo amat sedar dan peka akan keupayaan manusia yang akan diganti oleh teknologi yang moden dan canggih. Namun, manfaat-manfaat yang diperoleh daripada pemodenan akhirnya merupakan punca utama yang membawa kemasuhan kepada insan sejagat. Justeru, Zhang Xiguo lebih bertindak rasional dan tenang dalam memperlihatkan akibat padah yang dibawa oleh kemajuan sains. Dua buah fiksyen sains yang dibincangkan dalam Bab 5 terbukti beliau kini memperluas kandungan “*dao*” yang didukung dalam penulisannya selama ini ke arah kehidupan insan sejagat. Lantaran itu, “*dao*” yang membentuk kerangka penting dalam penulisan Zhang Xiguo membolehkan kita mengamati seni penulisannya

yang bukan sahaja ditujukan kepada realiti Taiwan, malahan telah menular ke luar bumi, yakni sebuah dunia imaginasi pada masa kelak.

Yang menjadi ironi, Taiwan yang dianggap Zhang Xiguo sebagai tempat perlindungan adalah suatu “kedudukan abstrak” yang ditinggalkan jauh selama ini. Beliau kini ialah pemastaudin di Amerika Syarikat. Namun, kedudukan ini tidak pernah menjauahkan hubungan beliau dengan Taiwan. Tambahan pula, tempat kediaman hari ini padahalnya membekalkan beliau suatu keseimbangan dalam penulisannya. Wajah Taiwan menjadi lebih cerah dan terang dalam gambaran Zhang Xiguo ketika beliau mengarang di Amerika Syarikat. Hal ini disebabkan beliau tidak tersekat atau terpengaruh daripada tekanan pasaran di Taiwan. Sebarang pendapat atau kata-kata tidak akan mengganggu aktiviti mengarang Zhang Xiguo yang terpisah jauh daripadanya. Sebagaimana yang ditanyakan beliau pada dirinya dengan nada yang sinis sekali, “Kenapa aku bukan seekor ulat? Jika aku seekor ulat, dapatku menyembunyikan diri dalam tanah di atas tanah airku. Tanpa sebarang perasaan, maka tidak akan lagi kuambil berat akan hal orang lain.” (2001a: 148) Sindiran sedemikian pada hakikatnya menyerlahkan kekasihan Zhang Xiguo terhadap Taiwan dan bangsa Cina secara menyeluruh. Sikap campur tangan hal orang lain menunjukkan beliau ialah seorang intelektual yang tidak jemu mengesan segala perubahan masyarakat. Perasaan sayang akan Taiwan dapat diertikan sebagai semangat nasionalisme yang terpaku dalam sanubari Zhang Xiguo selama ini (Long, 1985a: 204).

Bab 6 Penutup

Nyata sekali, rasa terbuang yang terbayang dalam karya-karya Zhang Xiguo tidak diperlihatkan sebagai suatu aktiviti diaspora yang hanya memungut segala rungutan dan kekecewaan seorang pengembara. Sebaliknya, Zhang Xiguo seorang penulis yang optimis dan berkeyakinan bahawa insan sangat dapat membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai peraturannya dengan kemampuan manusia sendiri. Sehubungan itu, kedudukan beliau yang jauh daripada Taiwan tidak seharusnya dijadikan halangan dalam penulisannya. Karya-karya yang diterbitkan beliau di seberang laut menyediakan suatu saluran untuk beliau mendalami intipati kejiwaan insan. Dengan kata lain, karya-karya Zhang Xiguo padahalnya mendedahkan sebuah pengembaraan insan yang amat bererti.